



Administrative
Appeals Tribunal

RUJUKAN VISA PERLINDUNGAN

Lembaran fakta ini menjawab soalan mengenai tinjauan AAT terhadap keputusan Jabatan Dalam Negeri (Jabatan) untuk menolak pemberian visa perlindungan.

Apa yang perlu diputuskan oleh AAT?

AAT perlu memutuskan sama ada berpuas hati bahawa anda adalah seorang 'pelarian' di bawah Undang-undang Migrasi.

Sekiranya AAT tidak berpuas hati bahawa anda adalah seorang 'pelarian', AAT kemudian akan memutuskan sama ada visa boleh diberikan di bawah ' 'complementary protection' '. Sekiranya tidak, AAT akan mempertimbangkan sama ada anda ahli keluarga seorang atau orang yang diberi 'complementary protection'

Lembaran fakta ini tidak boleh digunakan untuk semakan semula keputusan penolakan visa v perlindungan yang telah dibuat atas alasan keselamatan atau watak.

Apakah maksud orang pelarian?

Untuk menyabitkan seseorang sebagai "seorang pelarian", AAT mesti berpuas hati bahawa anda mempunyai ketakutan yang wujud dalam diri anda dimana anda akan dianiaya kerana bangsa, agama, kewarganegaraan, keanggotaan kumpulan sosial atau pendapat politik tertentu.

Untuk permohonan visa perlindungan yang dibuat pada atau selepas 16 Disember 2014, anda juga harus menunjukkan bahawa penganiayaan yang anda takutkan boleh datang dari setiap pelusuk negara anda, dan bahawa pihak berkuasa di negara itu tidak dapat melindungi anda.

Apakah perlindungan pelengkap?

Sekiranya AAT tidak berpuas hati bahawa anda adalah 'seorang pelarian', dan sekiranya berpuas hati bahawa terdapat satu risiko yang sebenarnya wujud dan anda akan mengalami ancaman yang ketara sekiranya anda pulang ke negara asal anda maka AAT mungkin akan memberikan anda 'complementary protection'

"Ancaman yang ketara ' merujuk kepada:

- kehilangan nyawa sewenang-wenangnya
- hukuman mati
- penyeksaan
- perlakuan atau hukuman yang kejam atau tidak berperikemanusiaan

Lembaran fakta ini hanya memberikan maklumat umum. Ini bukan nasihat undang-undang mengenai kes anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai undang-undang atau bagaimana hal itu berlaku untuk kes anda, anda harus mendapatkan nasihat undang-undang.

- perlakuan atau hukuman yang menjatuhkan maruah.

Ancaman yang ketara yang anda takutkan, mesti berkaitan dengan risiko sebenar bagi diri anda secara peribadi dan bukan risiko yang dihadapi oleh penduduk secara amnya. Anda mesti menunjukkan bahawa tidak ada tempat lain di negara itu yang dapat anda berpindah secara wajar, dan pihak berkuasa di negara asal anda tidak dapat melindungi anda.

Bagaimana AAT memutuskan?

AAT melihat semua maklumat dihadapannya yang berkaitan dengan permohonan anda. Ini termasuk:

- surat keputusan dari Jabatan yang menyatakan alasan mengapa mereka enggan memberikan visa kepada anda
- sebarang bukti yang anda berikan kepada Jabatan dan AAT untuk menyokong kes anda
- maklumat lain yang difikirkan oleh Jabatan berkaitan dengan permohonan anda.

Maklumat apa yang boleh saya berikan kepada AAT untuk menyokong semakan saya?

Anda boleh memberi kami maklumat yang menyokong kes anda. Anda tidak terhad kepada maklumat yang disenaraikan di bawah, dan maklumat yang anda berikan akan bergantung kepada keadaan anda masing-masing.

Contoh maklumat berguna untuk memberi kami mungkin termasuk:

- Pernyataan yang ditandatangani oleh anda mengenai keadaan anda, termasuk alasan anda memohon visa perlindungan
- Maklumat negara mengenai keadaan di negara asal anda
- Sebarang maklumat lain yang menyokong tuntutan anda.

Bilakah saya harus memberikan maklumat saya kepada AAT?

Anda harus memberi kami maklumat secepat mungkin. Sekiranya kami berpuas hati dengan maklumat yang anda berikan, keputusan yang baik mungkin dapat dilakukan tanpa memerlukan perbicaraan. Ini bermakna anda mungkin dapat memperoleh keputusan keatas permohonan anda lebih cepat.

Memberi keterangan semasa perbicaraan

Sekiranya anda dikehendaki menghadiri perbicaraan, Ahli AAT akan bertanya mengenai permohonan anda dan mempertimbangkan semua maklumat yang anda kemukakan. Secara amnya, ini akan merangkumi dokumen yang telah anda berikan kepada kami mengenai kes anda. Anda harus memberi kami maklumat selewat-lewatnya 7 hari sebelum perbicaraan, atau jika kami meminta anda memberi kami maklumat lebih awal, pada tarikh kami memberitahu anda.

Segala maklumat yang anda sampaikan kepada Ahli AAT adalah bukti penting. Menyiapkan

Lembaran fakta ini hanya memberikan maklumat umum. Ini bukan nasihat undang-undang mengenai kes anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai undang-undang atau bagaimana hal itu berlaku untuk kes anda, anda harus mendapatkan nasihat undang-undang.

bukti ini lebih awal sebelum perbicaraan dapat membantu anda mengemukakan kes anda dan membantu Anggota AAT membuat keputusan.

HUBUNGI KAMI JIKA ANDA MEMPUNYAI PERTANYAAN

- Telefon: **1800 228 333**
- E-mel: mrdivision@aat.gov.au
- www.aat.gov.au
- Perkhidmatan Relay Nasional www.relayservice.gov.au
- Perkhidmatan Penterjemahan (TIS): 131 450

Apabila Lembaran Fakta ini merujuk kepada "Anda" itu bermaksud pemohon, dan termasuk penama, perwakilan atau orang sokongannya. Apabila merujuk kepada "Kami" atau "Kami" itu bermaksud AAT.

Lembaran fakta ini hanya memberikan maklumat umum. Ini bukan nasihat undang-undang mengenai kes anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai undang-undang atau bagaimana hal itu berlaku untuk kes anda, anda harus mendapatkan nasihat undang-undang.